

CNS3588

U 68 09-01 00157 8A118

aab

Umno - Raja

RAJA TERUS KEBAL DALAM TUGAS RASMI

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Semua Raja Melayu termasuk Yang di-Pertuan Agong akan terus kebal dalam menjalankan tugas rasmi sebagai raja, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed hari ini.

Hanya apabila mereka menyalahi undang-undang sebagai individu dalam soal peribadi, kekebalan itu akan terlucah dan tindakan undang-undang boleh diambil, kata Perdana Menteri selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di sini.

+Ini bermakna bahawa kalau dalam menjalankan tugas untuk meluluskan sesuatu undang-undang ataupun apa-apa bagi pihak kerajaan, mereka kebal dan tidak ada tindakan yang boleh diambil.

+Tetapi kalau mereka terlibat memukul ataupun membuat sesuatu kepada orang ataupun tidak membayar hutang, maka mereka boleh didakwa di mahkamah.

+Tujuannya bagi melindungi rakyat daripada penyalahgunaan kekebalan yang diberikan kepada Raja dalam perlembagaan sekarang, kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno. -- Lagi

09/01/14-35MCT

\*

CNS3607

U 68 09-01 00166 8A127

aab

Umno - Raja 2 Kuala Lumpur

Perkara itu merupakan isi pertama yang diputuskan dalam cadangan rang undang-undang pindaan perlembagaan untuk melucutkan kekebalan raja daripada tindakan undang-undang.

Dua perkara lain yang dipinda ialah berkenaan hasutan dan kuasa mengampun, kata Dr Mahathir yang mengetuai rombongan Umno menemui Raja-raja untuk mengemukakan cadangan pindaan itu di Istana Negara petang ini.

Jemaah Menteri pada mesyuaratnya Rabu lepas meluluskan draf rang undang-undang itu yang disediakan oleh Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman. Ia dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno hari ini.

Dr Mahathir berkata melalui pindaan itu, peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang melarang anggota Dewan Rakyat dan Anggota Dewan Undangan Negeri menyatakan sesuatu yang mungkin ditafsir +memburukkan imej+ akan dihapuskan.

+Ini bermakna anggota-anggota Dewan Rakyat boleh membeaskan perkara bersangkutan dengan raja dan sesuatu yang mungkin ditakrif memburukkan imej raja dalam persidangan Dewan Rakyat, katanya.

Perbincangan itu boleh disiarkan oleh media massa dengan kelulusan Parlimen, katanya. -- Lagi

409/01/15-25MST

CNS3611

U 68 09-01 00153 BA128

aab

Umno - Raja 3 Kuala Lumpur

Pindaan itu bertujuan menyelamatkan raja-raja dengan membuat teguhan melalui Dewan Rakyat, katanya.

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, pindaan itu menentukan bahawa sebarang cadangan atau usul untuk menghapuskan raja-raja atau sistem beraja akan termasuk dalam takrif hasutan.

+Cadangan seperti itu tidak akan dibenarkan kerana ia merupakan hasutan...tindakan boleh diambil mengikut undang-undang hasutan,+ katanya.

Menjawab soalan mengapa peruntukan perbahasan mengenai perkara itu hanya dibenarkan kepada anggota-anggota dewan dan tidak diperluaskan kepada media massa, Dr Mahathir berkata ia akan memerlukan pindaan kepada Akta Hasutan.

+Pada waktu ini, kita belum ada rancangan untuk meminda Akta Hasutan kerana mesyuarat Dewan Rakyat pada 18 dan 19 Jan ini diadakan khas untuk membincangkan pindaan perlembagaan.

+Kita akan ambil tindakan tentang peruntukan lain dalam Akta Hasutan kemudian...namun segala apa yang dibahaskan nanti dalam dewan boleh disiarkan oleh media massa,+ katanya. -- Lagi

409/01/15-38MST

CNS3638

U. GB 09-01 00123 BA134

aab

Umno - Raja 4 Kuala Lumpur

Mengenai kuasa mengampun, Perdana Menteri berkata dalam kes raja sendiri yang terbabit dan baginda mempengerusikan lembaga pengampunan, kuasa berkenaan dipindahkan kepada Majlis Raja-raja.

Sekiranya ia membabitkan kerabat raja berkenaan, kuasa mengampun itu dipindahkan kepada mana-mana raja lain yang dipilih oleh Majlis Raja-Raja, katanya.

Bagi kes membabitkan Yang Dipertua Negeri, yang juga menjadi pengerusi lembaga pengampunan, kuasa itu akan dipindahkan kepada ketua menteri.

Jika keluarga Yang Dipertua Negeri terbabit, maka ketua menteri akan menasihati Yang Dipertua Negeri dalam perkara berkenaan, katanya.

Menjawab soalan mengenai kedudukan raja yang menghadapi tindakan undang-undang, Dr Mahathir berkata pindaan itu tidak membabitkan kesalahan yang dilakukan pada masa lepas. -- Lagi

▼09/01/16-25MST

CNS3639

U. GB 09-01 00159 BA135

aab

Umno - Raja 5 (Akhir) Kuala Lumpur

+Pada masa hadapan, undang-undang akan berjalan seperti biasa dan jika dihukum, ia akan dijalankan.

+Selepas itu terpulanglah kepada Jemaah Pangkuan Diraja membuat keputusan sama ada mereka sanggup melantik seseorang yang sudah melakukan jenayah dan mungkin telah dipenjarakan untuk menjadi raja atau tidak,+ katanya.

Dr Mahathir berkata perbahasan pindaan itu akan tetap diadakan di Dewan Rakyat pada 18 Jan tidak kira sama ada ia diluluskan atau tidak oleh Majlis Raja-raja yang bersidang dua hari sebelumnya bagi membincangkan perkara itu.

+Kita berpendapat sama ada dilulus atau tidak, perbahasan di Dewan Rakyat akan diteruskan kerana yang dibahaskan ialah rang undang-undang bukan undang-undang,+ katanya.

Beliau yakin pindaan itu akan mendapat kelulusan dua pertiga anggota Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara untuk dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong bagi kelulusan.

Rang undang-undang itu akan diedarkan kepada Anggota Parlimen pada minggu depan, katanya. -- Bernama

▼09/01/16-25MST